



**SURAT PEMBERITAHUAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN: 15 / 2023**

**BIASISWA KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE LUAR NEGERI (UMUM)  
BAGI SESI AKADEMIK 2024/2025**

**Pendahuluan**

Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih diteruskan dalam usaha Kerajaan dalam memberikan pendidikan yang berkualiti melalui penghantaran pelajar-pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian mereka ke seberang laut. Melalui Skim Biasiswa ini, pelajar-pelajar berpeluang untuk mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi teratas di dunia dalam usaha Kerajaan melahirkan rakyat yang bukan sahaja berpengetahuan tinggi, malah akan dapat memainkan peranan yang signifikan dalam memacu perkembangan sosio-ekonomi negara.

Penganugerahan Biasiswa ini adalah untuk menampung keperluan tenaga manusia di sektor-sektor Kerajaan. Skim ini dihulurkan kepada pelajar-pelajar yang benar-benar layak dan mempunyai sifat kesetiaan dan komitmen yang tinggi kepada perkembangan negara. Sumber tenaga manusia yang dimaksudkan bukan hanya mempunyai tahap pencapaian akademik yang tinggi bahkan juga memerlukan beberapa aspek penting iaitu mempunyai nilai kepimpinan yang cemerlang, berfikiran kritis, berkebolehan untuk berkomunikasi dan seumpamanya. Sumber tenaga manusia yang *holistic* setentunya mempunyai ciri-ciri yang mampu bertahan dalam mendepani pelbagai cabaran.

Dalam penyediaan Skim Biasiswa ini, Kementerian Pendidikan juga berusaha untuk mengenalpasti kursus-kursus yang relevan dan membuat perancangan bagi memenuhi keperluan bidang-bidang di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan. Dalam masa yang sama, Kementerian Pendidikan juga berusaha untuk memastikan graduan-graduan Biasiswa Kerajaan nanti akan disediakan jawatan-jawatan yang bersesuaian oleh Kementerian dan Jabatan-Jabatan berkenaan.

Bagi memastikan kualiti graduan, dan selaras dengan Wawasan Negara 2035, Kementerian Pendidikan masih mengekalkan penggunaan *World University Rankings* sama ada secara menyeluruh atau mengikut kursus/ bidang yang diceburi iaitu dengan menggunakan sistem ranking *QS World University (QSWU) Rankings* atau *Times Higher Education World University (THEWU) Rankings*. Ini adalah untuk memastikan setiap pelajar mendapat peluang menimba pengetahuan dan pengalaman dari universiti-universiti teratas di dunia yang dapat menyediakan suasana atau persekitaran pembelajaran yang kompetitif.

Di samping itu, universiti yang dipilih hendaklah diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Kementerian Pendidikan.

## 1. SYARAT-SYARAT UTAMA PERMOHONAN BIASISWA KERAJAAN KE LUAR NEGERI

### 1.1 PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA (*FIRST DEGREE*)

1	Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memegang kad pintar berwarna kuning.			
2	Memperolehi sekurang-kurangnya <b>Kredit C6</b> bagi matapelajaran <b>Bahasa Melayu</b> dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (BC-GCE 'O' Level).			
3	Sekurang-kurangnya Kredit <b>C6</b> bagi mata pelajaran <b>Bahasa Inggeris</b> BC-GCE 'O' Level.	atau Sekurang-kurangnya <b>Gred C</b> bagi matapelajaran <b>IGCSE English as a Second Language</b> atau yang sebanding dengannya.	atau Sekurang-kurangnya <b>Gred c</b> bagi matapelajaran <b>General Paper</b> BC-GCE 'AS' Level.	atau <i>Band</i> keseluruhan sekurang-kurangnya <b>6.5</b> dalam ujian <b>IELTS</b> yang diperolehi tidak melebihi dua tahun kebelakangan.
4	Umur tidak melebihi 26 tahun pada 01/09/2024.			
5	i. Memperolehi sekurang-kurangnya <b>3 (tiga) mata pelajaran BC-GCE 'A' Level</b> dalam sekali duduk dalam tempoh 2 tahun kebelakangan dengan memperolehi <b>UCAS Tariff Points</b> minima <b>120 (300<sup>^</sup>) mata</b> bagi 3 (tiga) mata pelajaran terbaik dan setiap matapelajaran hendaklah <b>tidak kurang daripada Gred C</b> .  <i>[New Tariff Points: A*=56; A=48; B=40; C=32; D=24; E=16]</i> <i>[Old Tariff Points: A*=140; A=120; B=100; C=80; D=60; E=40]</i>  <b>Atau</b>			
	ii. Memperolehi kelulusan <i>International Baccalaureate Diploma</i> (IB) dalam tempoh 2 tahun kebelakangan dengan Gred sekurang-kurangnya <b>32 mata</b> .  <b>Atau</b>			
	iii. Memperolehi <i>Diploma Lanjutan (Advance Diploma)</i> / <i>Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)</i> / <i>Level 5 Diploma</i> dalam tempoh 2 tahun kebelakangan dengan mencapai tahap <b>Distinction</b> atau Gred A mengikut penggredan dari institusi berkenaan.			
6	Kursus yang ditawarkan adalah mengikut keperluan Negara seperti dalam <b>Lampiran 'A'</b> dan bersesuaian dengan kelulusan yang diperolehi di peringkat 'A' / IB / Diploma Lanjutan / HND.			



7	i. Mendapat tawaran untuk mengikuti pengajian di universiti yang berkedudukan 250 teratas dunia ( <b>Top 250 World Universities</b> ) mengikut kedudukan berikut dan juga diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Kementerian Pendidikan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>QS World University (QSWU) Rankings 2024</i>; atau</li> <li>• <i>Times Higher Education World University (THEWU) Rankings 2024</i>.</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>Atau</b></p>
	ii. Mendapat tawaran untuk mengikuti pengajian di universiti yang berkedudukan 20 teratas dunia ( <b>Top 20 World Universities</b> ) mengikut <b>bidang (subjek)</b> <i>QSWU Rankings 2024</i> atau <i>THEWU Rankings 2024</i> .
8	Pemohon-pemohon yang mendapat tawaran tempat pengajian di universiti yang berkedudukan 20 teratas dunia secara keseluruhan ( <b>Top 20 World Universities</b> ) mengikut kedudukan <i>QSWU Rankings 2024</i> atau <i>THEWU Rankings 2024</i> akan diberi pertimbangan secara <i>case by case</i> .
9	Pemohon-pemohon yang mendapat tawaran tempat pengajian di luar daripada senarai kedudukan 250 universiti teratas dunia mengikut kedudukan <i>QSWU Rankings 2024</i> atau <i>THEWU Rankings 2024</i> dalam bidang-bidang keperluan negara, akan dinilai secara <i>case by case</i> .

**1.1.1 PERINGKAT IJAZAH SARIANA MUDA (FIRST DEGREE) –  
BAGI KURSUS PERUBATAN (MEDICINE) / PERGIGIAN (DENTISTRY)**

1	Memenuhi syarat 1, 2, 4 dan 7 di dalam para. 1.1	
2	Memperolehi sekurang-kurangnya <b>Kredit B3</b> bagi matapelajaran <b>Bahasa Inggeris</b> dalam peperiksaan BC-GCE 'O' Level.	<b>atau</b> Sekurang-kurangnya <b>Gred C</b> bagi matapelajaran <b>IGCSE English as a Second Language</b> atau yang sebanding dengannya.
3	i. Memperolehi sekurang-kurangnya <b>3 (tiga) mata pelajaran BC-GCE 'A' Level</b> (dalam mata-mata pelajaran yang bersesuaian) dalam sekali duduk dalam tempoh 2 tahun kebelakangan dengan memperolehi UCAS <i>Tariff Points</i> minima <b>144 (360<sup>^</sup>)</b> mata bagi 3 (tiga) mata pelajaran terbaik dan setiap matapelajaran hendaklah <b>tidak kurang daripada Gred A</b> . <p style="text-align: center;"><b>Atau</b></p>	
	ii. Memperolehi kelulusan <b>International Baccalaureate Diploma (IB)</b> dalam tempoh 2 tahun kebelakangan dengan Gred minima <b>38 mata</b> .	

8

## 1.2 PERINGKAT IJAZAH SARJANA (*MASTERS DEGREE*) DAN IKHTISAS (*PROFESSIONAL*)

1	Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memegang kad pintar berwarna kuning.					
2	Memperolehi minima <b>Kredit C6</b> bagi matapelajaran <b>Bahasa Melayu</b> dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (BC-GCE 'O' Level).					
3	Sekurang-kurangnya Kredit <b>C6</b> bagi matapelajaran <b>Bahasa Inggeris</b> BC-GCE 'O' Level.	atau Sekurang-kurangnya <b>Gred C</b> bagi matapelajaran <b>IGCSE English as a Second Language</b> atau yang sebanding dengannya.	atau Sekurang-kurangnya <b>Gred c</b> bagi matapelajaran <b>General Paper</b> BC-GCE 'AS' Level.	atau <b>IELTS</b> Overall Band minima <b>6.5</b> yang diperolehi tidak melebihi dua tahun kebelakangan.		
4	Umur tidak melebihi 30 tahun pada 01/09/2024.					
5	Memperolehi <b>Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Honours)</b> dan mendapat sekurang-kurangnya Kelas <b>Kedua Atas (2:1)</b> dalam bidang-bidang yang bersesuaian dengan kursus yang dipohonkan.		Bagi negara-negara yang tidak menawarkan program peringkat Ijazah Sarjana Muda Kepujian ( <i>Honours</i> ) seperti Australia, Jerman, Kanada, Mesir, New Zealand dan lain-lain boleh dipertimbangkan dengan mengambil kira sistem penggredan ( <i>Grading System</i> ) institusi berkenaan iaitu hendaklah memperolehi tahap keputusan yang <b>Distinction / Gred A</b> .			
6	Kursus yang ditawarkan adalah mengikut keperluan Negara seperti <b>Lampiran 'B'</b> .					
7	i.	Mendapat tawaran untuk mengikuti pengajian Universiti yang berkedudukan 250 teratas dunia ( <b>Top 250 World Universities</b> ) mengikut kedudukan berikut dan juga diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Kementerian Pendidikan: <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>QS World University (QSWU) Rankings 2024</i>; atau</li><li>• <i>Times Higher Education World University (THEWU) Rankings 2024</i>.</li></ul> <p style="text-align: center;"><b>Atau</b></p>				
	ii.	Mendapat tawaran untuk mengikuti pengajian di universiti yang berkedudukan 20 teratas dunia ( <b>Top 20 World Universities</b> ) mengikut <b>bidang (subjek)</b> <i>QSWU Rankings 2024</i> atau <i>THEWU Rankings 2024</i> .				
8	Pemohon-pemohon yang mendapat tawaran tempat pengajian di universiti berkedudukan 20 teratas dunia secara keseluruhan ( <b>Top 20 World Universities</b> ) mengikut kedudukan <i>QSWU Rankings 2024</i> atau <i>THEWU Rankings 2024</i> akan diberi pertimbangan secara <i>case by case</i> .					
9	Pemohon-pemohon yang mendapat tawaran tempat pengajian di luar daripada senarai universiti yang berkedudukan 250 teratas dunia mengikut kedudukan <i>QSWU Rankings 2024</i> atau <i>THEWU Rankings 2024</i> dalam bidang-bidang keperluan negara, akan dinilai secara <i>case by case</i> .					





## 2. TATACARA PERMOHONAN BIASISWA KERAJAAN KE LUAR NEGERI

### 2.1 PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA (*FIRST DEGREE*)

1	Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian ( <i>online</i> ) dengan melayari laman sesawang melalui HECAS pusingan pertama sahaja <a href="https://hecas.moe.gov.bn">https://hecas.moe.gov.bn</a> .
2	<p>Pemohon adalah dikehendaki menghadapkan perkara berikut ke <b>Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kaunter No. 3, Lantai Dasar, Blok C, Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Senarai semak permohonan Biasiswa.</li> <li>▪ Salinan borang HECAS (1 keping) dan Borang B (4 keping).</li> <li>▪ Salinan surat tawaran tempat pengajian.</li> <li>▪ Isi kandungan kursus (<i>course content / structure</i>).</li> <li>▪ Salinan sijil dan dokumen yang disahkan (<i>certified true copies</i>) oleh Pengetua Sekolah / Pendaftar Mahkamah.</li> </ul>
3	<p><b>Tarikh Mula dan Tutup permohonan:</b>  <b>Akan dimaklumkan kemudian melalui laman sesawang <a href="https://hecas.moe.gov.bn">https://hecas.moe.gov.bn</a> dan media-massa.</b></p>
4	<p>Tarikh tutup menghantar borang dan dokumen yang berkaitan secara <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> berserta surat tawaran (<i>Unconditional Offer</i>) adalah 3 hari waktu bekerja selepas tarikh tutup di atas.</p> <p>Kemasukan: Bermula bulan <b>Ogos / September 2024</b> atau <b>Januari / Februari 2025</b>.</p>

### 2.2 PERINGKAT IJAZAH SARJANA (*MASTERS DEGREE*) DAN IKHTISAS (*PROFESSIONAL*)

1	Permohonan hendaklah dibuat dengan melengkapkan borang yang boleh dimuat turun dari laman sesawang <a href="https://www.moe.gov.bn">https://www.moe.gov.bn</a> . Borang tersebut hendaklah di hantar melalui emel ke <a href="mailto:applyscholarship@moe.gov.bn">applyscholarship@moe.gov.bn</a> dalam format asal ( <i>Excel</i> ).
2	<p>Pemohon adalah dikehendaki menghadapkan perkara berikut ke <b>Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kaunter No. 3, Lantai Dasar, Blok C, Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Borang permohonan.</li> <li>▪ Salinan kad pintar.</li> <li>▪ Salinan surat tawaran tempat pengajian.</li> <li>▪ Isi kandungan kursus (<i>course content / structure</i>).</li> <li>▪ Salinan sijil dan dokumen yang disahkan (<i>certified true copies</i>) oleh Pengetua Sekolah / Pendaftar Mahkamah.</li> </ul> <p>Pemohon hendaklah juga menghantar borang dan dokumen yang berkaitan secara <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> beserta surat tawaran (<i>Unconditional Offer</i>) melalui emel ke <a href="mailto:applyscholarship@moe.gov.bn">applyscholarship@moe.gov.bn</a>.</p>
3	<p><b>Tarikh Mula Permohonan: 02 Januari 2024</b>  <b>Tarikh Tutup Permohonan: 29 Februari 2024</b>  <b>Kemasukan: Bermula Ogos / September 2024</b></p> <p><b>Makluman:</b>          Bagi pelajar-pelajar yang memohon dalam peringkat Ijazah Sarjana dan Ikhtisas bolehlah menggunakan keputusan di semester pertama tahun akhir pengajian mereka (<i>predicted result</i>) bagi mempercepatkan proses-proses permohonan.</p> <p>Walau bagaimanapun, keputusan permohonan akan berdasarkan keputusan sebenar (<i>actual result</i>) peperiksaan yang diperolehi dan hendaklah dihadapkan ke Jabatan Pengurusan Biasiswa sebaik sahaja keputusan tersebut dikeluarkan.</p>

### 3. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Pemohon bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ikhtisas juga dikehendaki memenuhi syarat-syarat tambahan seperti berikut:

- 3.1 Lulus dalam proses-proses pemilihan (temuduga dan / atau sebagainya) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan dengan mencapai tahap peratus yang ditetapkan.
- 3.2 Bersih dalam tapisan keselamatan.
- 3.3 Disahkan sihat dalam pemeriksaan kesihatan (sahlaku untuk 6 bulan).
- 3.4 Kursus atau program dan tempat pengajian yang akan diikuti hendaklah diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Negara Brunei Darussalam (MKPK).

### 4. PERHATIAN

- 4.1 **Pemohon yang memenuhi syarat kelayakan dan telah menjalani proses pemilihan bukanlah satu jaminan untuk dianugerah Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri.**
- 4.2 Jumlah biasiswa yang ditawarkan bagi setiap bidang kursus adalah **mengikut kursus yang disenaraikan.**
- 4.3 Pemohon yang berjaya akan diikatjanji untuk berkhidmat dengan Kerajaan mengikut tempoh ikatjanji yang telah ditetapkan.
- 4.4 Kementerian Pendidikan melalui Jawatankuasa Biasiswa akan membuat penelitian dan penilaian syarat-syarat penganugerahan biasiswa ke luar negeri dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan negara.
- 4.5 **Hanya pemohon yang disenarai pendek akan dimaklumkan.**

### 5. PERMOHONAN YANG TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN

Permohonan dalam kategori berikut dengan sendirinya **tidak akan dipertimbangkan.**

- 5.1 Tidak memenuhi syarat-syarat utama dan tambahan.
- 5.2 Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sama ada dalam jawatan tetap, percubaan, *open vote* atau gaji hari (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 27/1988 bertarikh 6 September 1988 dan bilangan 10/2006 bertarikh 26 April 2006 adalah dirujuk) dan mana-mana syarikat swasta yang *established*.
- 5.3 Permohonan yang dihantar:-
  - selepas tarikh tutup; atau
  - yang tidak lengkap diisi; atau
  - salinan sijil dan dokumen yang tidak disahkan; atau
  - mempunyai maklumat palsu / tidak benar.

- 5.4 **Pemohon yang sudah diterima atau sedang mengikuti pengajian di tempat pengajian oleh institusi-institusi pengajian tinggi awam tempatan.**
- 5.5 Pemohon yang pernah menerima Biasiswa Kerajaan di tahap yang sama mengikut *Brunei Darussalam Qualification Framework* (BDQF) sama ada di luar atau dalam negeri.

*'Integrati Jonggak Kecemerlangan'*



**[ DR HAJI AZMAN BIN AHMAD ]**  
Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : KPE/HE/S7/2016/J7  
Bertarikh : 23 Jamadilawal 1445 / 07 Disember 2023



Pembahagian:

- Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri
- Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
- Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan
- Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan
- Setiausaha Tetap Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian
- Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan
- Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Info-Komunikasi
- Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan
- Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan
- Ahli-Ahli Jawatankuasa Biasiswa, Kementerian Pendidikan
- Ketua Pengarah Pendidikan
- Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
- Pengarah Sekolah-Sekolah
- Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan
- Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet
- Pengarah Peperiksaan
- Pengarah Pendidikan Teknik/ Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)
- Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah
- Pengarah Perkembangan Kurikulum
- Pengarah Pendidikan Kokurikulum
- Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Pengarah Pengurusan Pendidik
- Pengarah Politeknik Brunei
- Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan / Jabatan Pengajian Tinggi
- Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan / Jabatan Pendidikan Swasta
- Pendaftar dan Setiausaha, Universiti Brunei Darussalam (UBD)
- Penolong Rektor, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
- Pendaftar dan Setiausaha, Universiti Teknologi Brunei (UTB)
- Ketua Unit Pendidikan Khas / Jabatan Pendidikan Khas
- Ketua Bahagian Komunikasi Korporat
- Ketua Bahagian Perhubungan Antarabangsa
- Pengarah Pusat Serantau SEAMEO VOTTECH
- Ketua Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP)
- Ketua Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas, Pintar dan Berbakat
- Setiausaha Kerja, Urus Setia Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK)
- Setiausaha Kerja, Urus Setia Majlis Pelajaran Kebangsaan (MPK)
- Ketua Unit Keusahawanan dan Perdagangan
- Ketua Pusat Teknologi Pendidikan
- Ketua Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat



**LAMPIRAN A****SENARAI KURSUS-KURSUS YANG DIPERLUKAN BAGI PENGANUGERAHAN BIASISWA  
KERAJAAN KELUAR NEGERI SESI PENGAJIAN 2024/2025****PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA (*FIRST DEGREE*)**

<b>BIL</b>	<b>KURSUS</b>
<b>A</b>	<b>LIFE SCIENCES AND MEDICINE</b>
1	BSc Medical and Surgery (MBBS)
2	BSc Dental Surgery
3	Bachelor Nutrition and Dietetics (Honours) / Bachelor of Health Sciences (Nutrition) / Master of Dietetics Studies / Master of Nutrition and Dietetics
4	BSc Physiotherapy
5	BMedSci Orthoptics
6	BSc Medical Imaging (Diagnostic Radiography) / BSc Diagnostic Radiography and Imaging/ BSc Radiography and Medical Imaging/ Bachelor of Radiography and Medical Imaging/ Bachelor of Medical Radiation Science(Diagnostic Radiography)/ BSc (Medical Radiation Science) Medical Imaging
7	BA (Hons) Linguistics and Deaf Studies / BA (Hons) Deaf Studies and Special Education Needs and Inclusion Studies / BA (Hons) Deaf Studies and Special Educational Needs, Disability and Inclusion Studies
8	BSc Audiology / BSc Audiology (Hons) / BSc Healthcare Science (Audiology)
9	BSc (Hons) Occupational Therapy
10	Bachelor's Degree in Paramedicine/ Bachelor in Paramedic
11	BSc Podiatry / BSc Podiatric Medicine / Bachelor of Podiatry /Bachelor of Podiatric Medicine / Bachelor of Podiatry Practice / Bachelor of Health Science (Podiatry)
12	BSc Genetics

<b>B</b>	<b>SOCIAL SCIENCES AND MANAGEMENT</b>
13	BA Creative Multimedia / BA Advertising & Media Executive
14	BA Youth, Community & Families / Health & Social Care
15	BSc Bioinformatics
16	BA / BSc Geospatial Surveying and Mapping / Geographic Information Science / Geomatics Engineering / BSc Geomatics / BSc Geography with Applies GIS / BSc Land Surveying and Geo-information
17	BSc Urban Studies and Planning / Urban Planning, Design and Management / Urban Planning and Development / Planning, Environment and Development / City Planning and Environmental Policy

<b>B</b>	<b>SOCIAL SCIENCES AND MANAGEMENT</b>
18	Bachelor of Social Work
19	BA (Hons) Landscape Architect
20	BA / BSc (Hons) Horticulturist
21	BA/ BSc in Occupational Safety and Health Environment
22	BSc (Hons) Data Science / BSc (Hons) Data Science and Analytics
23	BA (Hons) Forensic Accounting

**Skim Pendidik (Diikat Janji sebagai Pendidik)**

<b>BIL</b>	<b>KURSUS</b>
<b>C</b>	<b>LIFE SCIENCES AND MEDICINE</b>
24	BSc (Hons) Healthcare Science (Cardiac Physiology)
25	BA (Hons) Environmental Health / BA (Hons) Public Health
26	BSc (Hons) Children's Nursing

<b>BIL</b>	<b>KURSUS</b>
<b>D</b>	<b>SOCIAL SCIENCES AND MANAGEMENT</b>
27	BA (Hons) Early Childhood / BA (Hons) Early Childhood Education
28	BSc (Hons) Physical Education / BSc (Hons) Sports, Physical Education and Professional Education / BSc (Hons) Physical Education and Sports Coaching / BSc (Hons) Sport Science, Coaching and Physical Education
29	BSc Cyber Security
30	BSc (Hons) Computer Science and Artificial Intelligence / BSc (Hons) Data Science Artificial Intelligence

## LAMPIRAN B

### SENARAI KURSUS-KURSUS YANG DIPERLUKAN BAGI PENGANUGERAHAN BIASISWA KERAJAAN KELUAR NEGERI SESI PENGAJIAN 2024/2025

#### PERINGKAT IJAZAH SARJANA (*MASTER'S DEGREE*)

BIL	KURSUS
<b>A</b>	<b>LIFE SCIENCES AND MEDICINE</b>
1	MSc Genetic and Genomic Counselling
2	MSc Embryology
3	MSc Immunology and Immunogenetics
4	MSc Applied Bioinformatics and Genomics
5	MSc Transfusion, Transplantation and Tissue Banking
6	MSc Pathology

BIL	KURSUS
<b>B</b>	<b>SOCIAL SCIENCES AND MANAGEMENT</b>
7	MA Arts & Cultural Management / MA Cultural Heritage Management / MA Management in the Creative and Cultural Industries / MA Cultural and Creative Industries
8	Master of Translating and Interpreting
9	Master of Science in Information and Library Studies
10	MSc Information Management (Archives and Records Management)
11	Master in Occupational Safety, Health and Management / Health, Safety and Environment Management
12	Master of Science in Information Security
13	MSc Geospatial and Mapping Sciences / MSc Land and Hydrographic Surveying / MSc Applied Geographical Information Systems and Remote Sensing / MSc Applied Geographical Information Systems
14	MSc Geospatial Sciences
15	Master of Environmental Law



**LAMPIRAN C**

**SENARAI KURSUS-KURSUS YANG DIPERLUKAN BAGI PENGANUGERAHAN BIASISWA  
KERAJAAN KELUAR NEGERI SESI PENGAJIAN 2024/2025**

**PERINGKAT IKHTISAS (*PROFESSIONAL*)**

<b>BIL</b>	<b>KURSUS</b>
1	Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
2	Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)
3	Bar Practice Teaching Course (BPTC)/ Graduate Diploma in Legal Practice / Barrister-At-Law of England or Northern Ireland / Bar Vocational / Legal Practice (LPC)